

# Pas dakwa BN tiru sistem komunis

UM 22 JAN 2002

Oleh NORLIZA ABD. RAHMAN

KOTA BHARU, 21 Jan. — Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mendakwa, kerajaan Barisan Nasional (BN) meniru sistem yang diamalkan oleh komunis kerana cuba menyekat kebebasan bersuara parti-parti pembangkang.

Serentak dengan itu katanya, Pas akan terus menggunakan ceramah-ceramah politiknya untuk memperbesar-besarkan sesuatu isu sebagai satu langkah untuk melemahkan kerajaan BN dan UMNO.

Menurutnya lagi, Pas akan terus memaklumkan kepada generasi muda bahawa kerajaan yang ada sekarang lebih mirip kepada cara perjuangan komunis dan menyalahgunakan demokrasi.

“Dulu semasa saya dalam bilik kuliah dan belajar tentang parti-parti dunia apa yang berlaku di negara ini sekarang sama seperti yang diamalkan oleh komunis.

Dengan surat khabar dia kawal, ceramah tak boleh, nak demonstrasi pun dilarang sedangkan di Eropah kita dapat lihat hari-hari ada demonstrasi tapi di sini (Malaysia) bukan kata demonstrasi nak ceramah pun tak boleh. Apa lagi kalau bukan komunis namanya,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau berkata demikian seba-

gai mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa pengaruh parti Keadilan Nasional (Keadilan) semakin lemah, tidak berguna dan tidak berdaya untuk Pas memperalatkannya bagi inderaih kerusi pada pilihan raya.

Nik Abdul Aziz turut menolak kenyataan Dr. Mahathir bahawa kemenangan BN disebabkan oleh sokongan rakyat terhadap dasarnya.

“Saya kata tak betul sebab kalau benar dasar BN diterima rakyat kenapa mereka mesti tutup maklumat dari telinga rakyat dengan semua surat khabar, radio dan televisyen berkempen untuk satu arah sahaja sedangkan permit ceramah kami disekat,” katanya lagi.

## Peluang

Menurutnya lagi, Pas masih mempunyai peluang dan masa depan yang cukup baik sekiranya kerajaan bersikap adil tanpa menyekat kebebasan bersuara parti-parti pembangkang.

Terdabulu beliau berucap pada majlis penyampaian amanat bertajuk *Ke Arah Merealisasikan Negeri Kelantan Sebagai Jela-pang Makanan Negara*.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Besar, Datuk Paduka Abdul Halim Abd. Rahman dan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Pembangunan Masyarakat dan Industri Desa, Omar Muhammad.